



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA HJ ROSHAM BIN HJ ABDUL SHUKOR
MENGENAI SUMBANGAN BELIAU SEBAGAI TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN
PEMBANGUNAN DAN PERPUSTAKAAN DESA, PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA DALAM BIDANG PENGURUSAN MAKLUMAT

DISEDIAKAN OLEH:

CHE KU ZUBAIDAH BINTI CHE KU ZAINAL

NURUL JANNAH BINTI ABDILLAH

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, JOHOR
KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS IMR – 604 ORAL
DOCUMENTATION

SEMESTER 5 (MAC – JUN 2015)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Syukur ke hadrat Illahi dengan keizinan-Nya kami berjaya menghasilkan transkrip wawancara bersama salah seorang alumni daripada Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM, Tuan Hj Rosham Bin Hj Abdul Shukor, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Tugas ini merupakan projek akhir bagi subjek IMR 604:Dokumentasi Lisan dan subjek ini telah diajar oleh pensyarah kami iaitu Encik Mohd Faizal Bin Mohd Ramsi. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala tunjuk ajar dan bantuan yang telah diberikan oleh beliau kerana tanpa beliau tidak mungkin kami akan berjaya menghasilkan transkrip wawancara ini dalam masa yang ditetapkan. Kami amat menghargai peluang yang diberikan ini kerana kami berjaya memperolehi pengalaman dalam mengendalikan wawancara bersama alumni daripada fakulti kami sendiri. Kami juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kami kepada Tuan Haji Rosham Bin Abdul Shukor di atas kesudian beliau untuk bekerjasama bagi menghasilkan transkrip wawancara ini. Terlalu banyak input-input positif yang telah diberikan oleh beliau. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang menjadi pendorong supaya kami sentiasa dapat lakukan yang terbaik dalam apa jua tugas yang diberi begitu juga kepada rakan-rakan sekelas kami yang selalu membantu dalam memberikan idea dan tunjuk ajar. Akhir kata, semoga transkrip wawancara ini dapat menjadi bahan rujukan yang terbaik buat generasi yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA TUAN HAJI ROSHAM BIN HAJI ABDUL SHUKOR

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

1.0 ABSTRAK

2.0 SINGKATAN KATA

3.0 BIODATA PENULIS

4.0 PENGENALAN

5.0 TRANSKRIP WAWANCARA

6.0 LOG WAWANCARA

7.0 KRONOLOGI

8.0 BIODATA ALUMNI

9.0 SENARAI SOALAN

10.0 RALAT

11.0 RUMUSAN

12.0 SENARAI RUJUKAN

13.0 LAMPIRAN

14.0 INDEKS

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA TUAN HAJI ROSHAM BIN HAJI ABDUL SHUKOR

1.0 ABSTRAK

Transkrip temubual bersama Tuan Hj Rosham Bin Hj Abdul Shukor mengenai kerjaya dan pengalaman dalam bidang Pengurusan Maklumat

Abstrak : *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Tuan Hj Rosham Bin Hj Abdul Shukor mengenai kerjaya dan pengalaman beliau dalam bidang Pengurusan Maklumat. Beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa di Perpustakaan Negara Malaysia. Temubual ini dijalankan di Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur di tingkat 13 bermula jam 8.30 pagi. Beliau merupakan alumni Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara. Transkrip ini menceritakan mengenai pengalaman beliau sepanjang bergelar mahasiswa bagi Fakulti Pengurusan Maklumat dan juga kerjaya beliau sepanjang bertugas di Perpustakaan Negara Malaysia. Selain itu, transkrip ini juga merakamkan nasihat yang disampaikan oleh beliau kepada mahasiswa – mahasiswa universiti.*

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA TUAN HAJI ROSHAM BIN HAJI ABDUL SHUKOR

2.0 SINGKATAN KATA

MARA	Majlis Amanah Rakyat
MITI	Ministry of International Trade and Industry
INTEL	Integrated Electronics
UiTM	Universiti Teknologi Mara
ITM	Institut Teknologi Mara.
CNN	Cable News Network
AACR	Anglo - American Cataloguing Rules
DDC	Dewey Decimal Classification
CGPA	Cumulative Grade Point Average
ALA	American Library Association
GPMS	Gabungan Pelajar Malaysia Semenanjung
MC	Master of Ceremony
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKK	Jawatankuasa Keselamatan Kampung
PTD	Pegawai Tadbir Diplomatik
ICT	Information and Communication Technology
LUT	Liberal University of Technology
PHD	Doctor of Philosophy
MBA	Master of business Admin
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UM	Universiti Malaya
NGO	Non-Government Organization
LC	Library Classification
PERPUN	Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara
STP	Sijil Tinggi Pendidikan
CFO	Chief Financial Officer
CEO	Chief Executive Officer
KSU	Ketua Setiausaha Unit
SPM	Sijil Penilaian Menengah
SRP	Sijil Rendah Persekolah
VI	Victoria Institution